

25 AUG 1999

HABIBIE PULANG SELEPAS LAWATAN KERJA SEHARI

SEPANG, 25 Ogos (Bernama) -- Presiden Indonesia B.J Habibie berlepas pulang ke Jakarta selepas mengadakan lawatan kerja sehari ke Malaysia hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berada di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) untuk mengucapkan selamat jalan kepada presiden Indonesia itu.

Turut sama mengucapkan selamat jalan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali selaku menteri pengiring dan Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad.

Ini merupakan lawatan kedua Habibie ke Malaysia selepas menjadi presiden. Lawatan pertamanya pada November tahun lepas ialah bagi menghadiri mesyuarat forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Lawatannya ini juga sebagai kunjungan balas terhadap lawatan Dr Mahathir ke Pulau Batam pada Mei lepas.

Pagi tadi, Habibie menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara sebelum presiden Indonesia serta rombongannya itu diraikan oleh Dr Mahathir pada jamuan makan tengah hari di Hotel Palace of the Golden Horses.

Habibie mengadakan perbincangan dua hala dengan Dr Mahathir di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya sebelum berlepas pulang.

Rombongan Habibie termasuk Menteri Luar Ali Alatas, Menteri Ekonomi, Kewangan dan Industri Ginandjar Kartasasmita, Menteri Pertahanan dan Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Wiranto, Menteri Perdagangan dan Perindustrian Rahardi Ramelan dan Menteri Kehakiman, Muladi.

-- BERNAMA

MHI NAK